

Tema-Tema Ilmu Kajian Agama dalam *Muqaddimah* Ibn Khaldun: Satu Perbahasan Ringkas

Themes of Religious Study in Ibn Khaldun's Muqaddimah: A Discussion

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali¹

¹Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 28 Mac 2018

Disemak: 12 Julai 2018

Diterbit: 7 September 2018

*Corresponding Author:

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia; Email: wmfazrul@usim.edu.my

Abstrak: Ibn Khaldun merupakan tokoh ilmuwan yang tidak asing dalam kalangan sejarawan Muslim dan bukan Muslim, melalui *magnum opus*nya iaitu *Muqaddimah*. *Muqaddimah* bukan sahaja sesuai diangkat sebagai sebuah teks utama dalam bidang kajian ketamadunan, etnik dan *turāth*, malah turut sesuai untuk dijadikan teks rujukan dalam ilmu kajian agama. Dalam taksonomi dua kumpulan utama kesarjanaan Islam *qua* Ilmu Kajian Agama iaitu *Purposive* dan *Non-purposive*, Ibn Khaldun termasuk dalam kumpulan yang kedua iaitu *Non-purposive*. Melalui kajian kualitatif, yang menggunakan metode analisis kandungan ke atas teks *Muqaddimah*, artikel ini telah menemui bahawa perbincangan ilmu kajian agama yang dibawa oleh Ibn Khaldun dalam karyanya adalah secara inklusif bersama perbincangan berkenaan sejarah dan ketamadunan. Selain daripada minat dan fokus Ibn Khaldun kepada bidang ilmu, kehidupan beliau yang penuh dengan warna-warni, serta pengembaraan dari satu daerah ke daerah yang lain juga merupakan antara faktor yang membuatkan beliau sentiasa kreatif dan inovatif dalam tulisan-tulisan beliau. Dalam penelitian Ibn Khaldun, agama merupakan salah satu faktor yang penting dalam pembinaan peradaban dan tamadun manusia. Perbincangan berkenaan manusia sama ada secara antropologi, sosiologi, psikologi, ekonomi, epistemologi atau historiografi seperti yang dibawa oleh ilmu *‘Umrān* Ibn Khaldun turut membincangkan beberapa perkara dalam ilmu kajian agama. Secara ringkas, tema-tema ilmu kajian agama oleh Ibn Khaldun ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu pertama, pandangan beliau terhadap agama (*views on religion*) dan keduanya adalah kajian agama-agama (*study of religions*). Tema-tema ini telah dimuatkan dalam *Muqaddimah* secara selektif oleh Ibn Khaldun untuk digarap secara selari dengan tujuan asal bukunya.

Kata kunci: Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, Ilmu *‘Umrān*, Pandangan terhadap agama dan Kajian agama-agama

Abstract: Ibn Khaldun is a no stranger amidst the Muslim and non-Muslim historians, through his *Muqaddimah*. The *Muqaddimah* is not only a credible text for the studies of civilization, ethnic and heritage; but at the same time can also be used as a source reference for the study of religions. Under the taxonomy of two main types of Muslim scholarship in the study of religions, namely the purposive and the non-purposive types, Ibn Khaldun is included in the second. Through the use of qualitative research design, which utilizes content analysis method on the *Muqaddimah*, this article found that Ibn Khaldun's descriptions on the study of religions are inclusive with his notes on the historical and civilizational studies. Despite of his interest and focus in the intellectual pursuit, his colourful life and continuous relocations are also among the factors that mould his creativity

and innovation in his writings. In Ibn Khaldun's study, religion is considered as one of the important factors in civilizational building. Discussions on human, be it from the spectra of anthropology, sociology, psychology, economics, epistemology or historiography, as found in Ibn Khaldun's *ʿUmrān*, also include a few topics in the study of religions. In short, themes of Ibn Khaldun's study of religions could be divided into two main types, namely Ibn Khaldun's views on religion and Ibn Khaldun's studies of religions. These themes were included in the *Muqaddimah* selectively, which must be comprehended in line with his original intention of writing this historical text.

Keywords: Ibn Khaldun, *Muqaddimah*, *ʿUmrān* science, views on religion and study of religions

Pengenalan

Antara nama tokoh-tokoh Islam yang termasyhur di dunia, nama Ibn Khaldun turut tersenarai sebagai salah seorang tokoh utama yang tidak asing dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam yang terpelajar. Sumbangan beliau kepada dunia ilmiah telah menarik perhatian ramai peneliti dan pengkaji termasuklah daripada Perancis, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Israel, Jepun, India, Rusia dan banyak lagi, melalui *magnum opus*nya iaitu *Muqaddimah*. Menurut Walter J. Fischel (1902-1973), pada tahun 1966 terdapat 524 kajian telah dijalankan dan diterbitkan berkenaan Ibn Khaldun (Ibn Khaldun, 1967, p.483-521). Aziz al-Azmeh dalam kajian kedoktorannya di Universiti Oxford pada tahun 1981 pula, telah menyatakan bahawa kajian berkenaan Ibn Khaldun telah mencapai sehingga 860 buah dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Arab, Inggeris dan Perancis (al-Azmeh, 1981, p.232-318). Adalah tidak mustahil untuk dianggarkan bahawa jumlah kajian terhadap Ibn Khaldun mungkin telah melebihi ribuan jumlahnya atau pun puluhan ribu pada waktu artikel ini diterbitkan.

Dalam kebanyakan penulisan ilmiah dan penerbitan umum, nama Ibn Khaldun hanyalah dikenali dan dinisbahkan dengan disiplin-disiplin seperti sejarah, politik, ekonomi, pendidikan, sosiologi, dan falsafah. Hakikatnya, ketokohan ramai pemikir Islam terdahulu tidaklah terhad dalam bidang penulisan mereka yang spesifik sahaja, malah ramai yang merupakan genius dan *versatile* dengan menguasai pelbagai bidang ilmu serta menjalankan kajian merentasi disiplin pengkhususan masing-masing. Ibn Khaldun merupakan salah seorang daripada tokoh Islam yang genius dan *versatile* ini.

Terdapat tiga indikator utama yang memberikan isyarat bahawa dalam kesarjanaan Muslim secara umum, sebenarnya terdapat ramai lagi tokoh-tokoh ilmu kajian agama dalam sejarah ketamadunan dan keilmuan Islam. Tiga indikator utama ini adalah seperti di dalam Rajah 1.

Rajah 1: Tiga Indikator Utama Keluasan Kesarjanaan Islam dalam Ilmu Kajian Agama



Meskipun ilmu kajian agama adalah sebuah ilmu yang mandiri dan *independent*, sifat perbahasan ilmu kajian agama juga adalah elusif dan anjal yang membolehkannya menembusi disiplin-disiplin ilmu yang lain. Hakikat ini dapat dilihat dalam karya-karya tokoh Islam sepanjang zaman. Adakalanya perbahasan mengenai ilmu kajian agama ini bersifat mandiri dan *independent* dalam karya-karya ulama seperti al-Nawbakhti (m. 202H) dengan karyanya *al-Arāʾ Wa al-Diyānāt*, al-Masʿudi (m. 346H) melalui *al-Diyānāt*, al-Musabbihi (m. 420H) melalui *Dark al-Bughyiyah Fī Wasf al-Adyān Wa al-ʿIbādāt*, al-Fiṣal Fī al-Milal Wa al-Ahwaʾ Wa al-Niḥal oleh Ibn Hazm (m. 456H) dan *al-Milal Wa al-Niḥal* oleh Al-Shahrastani (m. 548H). Dalam keadaan yang lain pula, perbahasan ilmu kajian agama juga boleh didapati dalam perbahasan-perbahasan bidang ilmu yang lain seperti ilmu tafsir, syarah hadis, kalam, tasawwuf, sejarah, catatan pengembaraan (travelog) dan banyak lagi. Oleh itu, taksonomi yang dapat dibuat berdasarkan pelbagai rujukan berkenaan ilmu kajian agama ini adalah pembahagiannya kepada dua bahagian utama iaitu *purposive* (secara mandiri) dan *non-purposive* (secara inklusif bersama bidang lain) (Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rosmizi Abd Rahman dan Jaffary Awang, 2014).

Rajah 2: Dua Bahagian Utama Kesarjanaan Islam dalam Ilmu Kajian Agama



Ibn Khaldun, dalam konteks perbincangan taksonomi sebelum ini, termasuk dalam kumpulan yang kedua iaitu *non-purposive* (secara inklusif bersama bidang lain). Perbincangan ilmu kajian agama yang dibawa oleh Ibn Khaldun dalam karya-karyanya adalah secara inklusif dalam perbincangan berkenaan sejarah dan ketamadunan seperti yang dapat dilihat dalam *oeuvre*nya iaitu *Muqaddimah* (2014) dan *Tarikhnya* (2001).

Biografi Ringkas Ibn Khaldun

Ibn Khaldun (1 Ramadhan 732 H / 27 Mei 1332M – 26 Ramadhan 808H / 16 Mac 1406M) “adalah seorang sarjana zaman pertengahan yang masyhur dengan falsafah ilmu sejarahnya dan juga idea beliau berkenaan bangun dan jatuhnya tamadun-tamadun” (Schmidt, 1978, p.34; Campo, 2009, p.334). Beliau dilahirkan di Tunis dan telah mengembara ke pelbagai daerah di Benua Afrika, negara-negara Arab dan Eropah seperti Maghribi, Sepanyol, Mesir, Palestin dan Arab Saudi (Fuad Baali, n.d.).

Nama penuh beliau adalah *Al-‘Allāmah Walī al-Dīn Abū Zayd ‘Abd al-Rahmān Ibn Muḥammad Ibn Khaldūn* atau popularnya dikenali dengan singkatan Ibn Khaldūn (Mohammad Abdullah Enan, 1997, p.3). Oleh itu, nama sebenar beliau adalah ‘Abd al-Rahmān, manakala *Walī al-Dīn* adalah *laqab*nya bersempena dengan pelantikannya sebagai mufti mazhab Maliki di Mesir dan Abū Zayd adalah *kunya*nya bersempena dengan nama anak lelakinya iaitu Zayd (Ali ‘Abd al-Wahid Wafi, 1962, p.12-13). Gelaran Khaldun yang terpakai pada beliau adalah dinisbahkan kepada nama datuknya yang kesembilan iaitu Khalid ibn ‘Uthmān, yang merupakan ahli keluarganya yang pertama memasuki Andalus ketika peperangan pembukaan negara-negara Islam (*al-Fath al-Islāmī*). Ditukarkan Khalid kepada Khaldun adalah kerana mengikut adat orang Arab dan Maghribi, di mana ditambah perkataan *khālīd* (خالِد) dengan huruf ‘waw’ dan ‘nun’ untuk menunjukkan kebesaran seseorang itu apabila digunakan dengan kata jamak. Maka terkenallah

selepas itu keturunan Khalid ini dengan gelaran Bani Khaldun iaitu keturunan Khaldun (Ali ‘Abd al-Wahid Wafi, 1962, p.13).

Karya Tulisan Ibn Khaldun

Terdapat sebelas buah karya yang telah dinisbahkan kepada Ibn Khaldun. Ada antara karya ini yang masih lagi boleh dirujuk dalam bentuk manuskrip. Kebanyakannya pula telah diterbitkan dalam bentuk buku atau risalah yang telah diterbitkan oleh penerbit-penerbit buku di seluruh dunia dan dalam terjemahan ke beberapa bahasa selain Arab seperti Bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Urdu, Melayu dan banyak lagi.

Secara ringkasnya, karya-karya Ibn Khaldun adalah seperti berikut:

1. *Lubāb al-Muḥaṣṣal Fī Uṣūl al-Dīn*, mengenai ilmu akidah.
2. Ringkasan beberapa Kitab Ibn Rushd, mengenai ilmu falsafah.
3. *Taqyīd Fī al-Manṭiq*, mengenai ilmu mantik.
4. *Kitāb Fī al-Ḥisāb*, mengenai ilmu hisab atau matematik.
5. Huraian Nazam Usul Fiqh oleh Syeikh Lisān al-Dīn al-Khaṭīb.
6. Huraian al-Burdah oleh Imam al-Busiri, mengenai qasidah yang memuji Nabi SAW.
7. *Shifā’ al-Sā’il Fī Tahdhīb al-Masā’il*, sebuah kitab tasawwuf.
8. *Diwān al-Mubtada’ wa al-Khabar Fī Ayyām al-‘Arab wa al-‘Ajam wa al-Barbar wa Man ‘Āsharahum Min Dhawī al-Sulṭān al-Akbar*, termasuklah kitab *Muqaddimah* dan *al-Ta’rīf Bi Ibn Khaldūn Wa Riḥlatuhu Gharban Wa Sharqan* yang merupakan pecahan daripada karya ini (‘Abd al-Rahmān Badwī, 1961, p.33-76).
9. *Waṣf Bilād al-Maghrib*, yang ditulis untuk Timur Lang, pemerintah Monggol.
10. *Tadhkīr al-Sahwān*, risalah kecil yang menghuraikan sebuah hadis Nabi SAW dan
11. *Muzīl al-Malām ‘An Hukkām al-Anām*, kitab berkenaan ilmu *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. (Ibn Khaldun 1417H:55-59).

Ilmu ‘Umrān dan Ilmu Kajian Agama

Terdapat empat perkara penting yang telah mengangkat nama Ibn Khaldun dalam kalangan ahli akademik dunia, iaitu kitab *Muqaddimah*, kitab *al-‘Ibar* dan juga konsep *‘aṣabiyyah* yang dipopularkannya dalam kedua-dua kitab ini. Selain itu, Ibn Khaldun juga sangat dikenali dalam kalangan pemikir Islam dan para orientalis Barat sebagai tokoh Arab-Islam pertama yang telah memperkenalkan kalimah *‘Umrān* sebagai sebuah cabang ilmu baru pada zamannya. Ilmu *‘Umrān* adalah

sebuah ilmu yang mengkaji tentang manusia dalam aspek persejarahan, kebudayaan, kemasyarakatan dan sikap mental. Meskipun kalimah *‘Umrān* tidak lagi digunakan sebagai sebuah terminologi rasmi dalam kalangan ahli sains sosial moden, namun para peneliti yang adil dan berwibawa akan dapat melihat bahawa maksud-maksud yang dibawa oleh ilmu *‘Umrān* masih dapat dikesan dalam perbincangan-perbincangan ilmiah pada hari ini. Perbincangan ilmu-ilmu moden berkenaan antropologi, sosiologi, psikologi kemasyarakatan, urbanisasi sosial, sosiologi pengetahuan dan historiografi mempunyai bibit-bibit persamaan dengan perbincangan yang dimaksudkan oleh ilmu *‘Umrān* seperti yang dirintis oleh Ibn Khaldun.

Ini telah dijelaskan oleh Akbar Ahmed (lahir 1966) seperti berikut:

“The noted historian Arnold Toynbee, recognizing the scope and scale of Ibn Khaldun’s work, called it “undoubtedly the greatest work of its kind that has ever yet been created by any mind in any time or place.” Not only is Ibn Khaldun generally recognized as the “father, or one of the fathers, of modern cultural history and social science” influencing and shaping these disciplines into our time, but his work provides the intellectual point at which other world scholars connect in genuine appreciation.” (Akbar Ahmed, 2002, p.24-25).

Maksudnya: Sejarawan terkenal, Arnold Toynbee yang mengiktiraf skop dan skala hasil kerja Ibn Khaldun menggelarkannya sebagai “(sesuatu yang) tidak diragukan lagi merupakan hasil kerja yang terhebat dalam kumpulannya yang pernah dihasilkan oleh mana-mana minda di mana-mana masa dan tempat.” Bukan saja secara umumnya Ibn Khaldun diiktiraf sebagai “bapa, atau salah seorang bapa bagi sejarah kebudayaan moden dan sains sosial” yang telah mempengaruhi dan membentuk disiplin-disiplin ini pada zaman kita, akan tetapi hasil kerjanya menyediakan poin intelektual di mana ramai sarjana antarabangsa berhubung dalam pengiktirafan yang tulen.

Pujian yang diberikan oleh Arnold Toynbee (1889-1975), pakar sejarah dunia daripada Barat terhadap karya-karya Ibn Khaldun, sebenarnya dalam masa yang sama adalah pujian kepada ilmu *‘Umrān* yang telah digagaskan olehnya.

Menurut Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*nya, ilmu *‘Umrān* adalah ilmu yang membahaskan tentang peradaban dan tamadun manusia. Peradaban dan tamadun manusia dalam pemikiran Ibn Khaldun adalah pemakmuran alam sejagat oleh manusia (*‘Umrān al-basharī*), ini termasuklah masyarakat yang menetap di bandar atau *Ḥaḍarī*, mahu pun di kawasan luar bandar seperti nomad atau *Badwī*. Menurut Mahayudin Haji Yahaya: Umumnya, dari segi bahasa, *‘Umrān* merujuk kepada keadaan dan suasana yang aman makmur, maju, berilmu, kaya-raya, mewah, ramai penduduk,

mempunyai peluang pekerjaan dan tidak wujud pengangguran (Mahayudin Haji Yahaya, 2011, p.4).

Dalam perbendaharaan Bahasa Melayu, perkataan makmur berasal daripada kata akar Arab *‘a-ma-ra* (عَمَرَ) seperti juga kalimah *‘Umrān* yang digunakan oleh Ibn Khaldun. Dalam Bahasa Melayu perkataan ‘makmur’ difahami sebagai satu pencapaian kemewahan atau tahap kesenangan yang ingin dituju, berbanding *‘Umrān* Ibn Khaldun yang bermaksud suatu proses atau usaha pemakmuran. Oleh itu, makmur dalam Bahasa Melayu adalah kemewahan, kesejahteraan, dan kesenangan (Kamus Dewan, 2002, p.848). Sedangkan dalam konteks Ibn Khaldun, proses pemakmuran itu merangkumi hidup berorganisasi, berbudaya, berilmu dan berusaha atau berkerjaya.

Ibn Khaldun menjelaskan hal ini dalam *Muqaddimah*nya seperti berikut:

فإن هذا الاجتماع ضروري للنوع الانساني وإلا لم يكمل وجودهم وما أراد الله من اعتمار العالم بهم واستخلافه إياهم وهذا هو معنى العمران الذي جعلناه موضوعاً لهذا العلم.

Maksudnya: Oleh itu, organisasi sosial adalah suatu yang wajib bagi manusia. Tanpanya, kewujudan manusia tidak akan sempurna. Dan apa yang Allah mahukan daripada organisasi sosial ini adalah memakmurkan dunia ini melalui makhluk manusia dan menjadikan manusia sebagai khalifah (pengganti Allah SWT) di bumi. Inilah maksudnya *‘Umrān*, perkara yang menjadi objek perbincangan dalam ilmu ini (Ibn Khaldun, 1967, p.91; Ibn Khaldun, 2002, p.3-4; Ibn Khaldun, 2005, p.68-69).

Secara tidak langsung, di sinilah juga letaknya perbincangan ilmu kajian agama dalam ilmu *‘Umrān* Ibn Khaldun. Perbincangan berkenaan manusia sama ada secara antropologi, sosiologi, psikologi, ekonomi, epistemologi dan historiografi seperti yang dibawa oleh ilmu *‘Umrān* Ibn Khaldun turut membincangkan perkara-perkara dalam ilmu kajian agama. Dalam penelitian Ibn Khaldun, agama merupakan salah satu entiti dan faktor yang penting dalam pembinaan peradaban dan tamadun manusia. Ini adalah selari dengan apa yang dilihat oleh Friedrich Max Muller (1823-1900), Bapa *Religionswissenschaft* Barat, seperti katanya: *Religion is not a new invention. It is, if not as old as the world, at least as old as the world we know. As soon almost as we know anything of the thoughts and feelings of man, we find him in possession of religion, or rather possessed by religion. The oldest literary documents are almost everywhere religious. “Our earth,” as Herder says, “owes the seeds of all higher culture to a religious tradition, whether literary or oral.”* (Muller, 1901, p.4).

Maksudnya: Agama bukanlah suatu penemuan yang baru. Biarpun ianya tidak setua dunia yang tidak kita ketahui, tetapi ia adalah setua dunia yang kita

ketahui. Sesudah sahaja kita mengetahui hampir semua pemikiran dan perasaan manusia, kita mendapati bahawa manusia memiliki agama atau agama yang memilikinya. Dokumen-dokumen tulisan tertua hampir kesemuanya di setiap tempat adalah bersifat keagamaan. “Dunia kita,” seperti yang dikatakan oleh Herder (Johann Gotfried von Herder, ahli sejarah, falsafah dan teologi bangsa Jerman yang lahir tahun 1744 dan meninggal tahun 1803), “meminjam benih semua kebudayaan yang lebih tinggi daripada tradisi keagamaan, sama ada tulisan atau lisan.

Oleh itu, dapat dilihat dalam *Muqaddimah* dan *Tārīkhnya* beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ibn Khaldun berkenaan peranan agama dalam kehidupan manusia. Tidak ramai sarjana yang sedar tentang kajian Ibn Khaldun dalam ilmu kajian agama melalui ilmu ‘*Umrānnya*. Sekiranya terdapat dalam kalangan sarjana-sarjana antarabangsa yang menyedari hal ini, kajian dan pendedahan mereka tentang dimensi ilmu kajian agama Ibn Khaldun ini masih lagi minimum dari sudut-sudut yang spesifik. Misalnya, Walter Joseph Fischel telah membahaskan berkenaan kajian Ibn Khaldun bagi agama-agama monoteistik selain Islam dalam kurang daripada 50 muka surat di *Ibn Khaldun in Egypt* (1967, p.109-155) serta dalam lain-lain artikel-artikel jurnal dan kertas-kertas seminarnya. Begitu juga tokoh-tokoh lain antaranya Charles Issawi (1963, p.131-139), Solomon Pines (1970, p.265-274), Bryan S. Turner (1971, p.32-48), Kalman Bland (1983, p.189-197), Steven M. Wasserstrom (1999, p.164), Syed Omar Syed Agil (2008, p.301-307), Muhammad Azizan Sabjan (2010, p.1-8) dan Martin Whittingham (2011, p.209-222).

Majoriti sarjana dan pengkaji sumbangan Ibn Khaldun berpendapat bahawa kebanyakan tulisan Ibn Khaldun adalah berkisaran tentang sejarah dan politik bangsa Arab. Namun begitu, setelah penelitian demi penelitian dibuat ke atas *Muqaddimah* dan *Tārīkh* Ibn Khaldun, terdapat banyak lagi sumbangan yang telah dijumpai seperti idea-idea beliau yang unik dan provokatif dalam bidang antropologi kebudayaan, sosiologi masyarakat, psikologi sosial, pendidikan dan epistemologi, geografi serta ilmu kajian agama. Dalam erti kata yang lain, perbincangan ilmu kajian agama telah dijadikan sebagai salah satu subset dalam perbincangan ilmu ‘*Umrān* oleh Ibn Khaldun.

Ada antara isu-isu ilmu kajian agama yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun merupakan perbincangan secara spesifik berkenaan pengetahuan beliau tentang agama-agama selain Islam daripada al-Quran al-Karim, al-Sunnah al-Nabawiyyah dan karya-karya kesarjanaan utama pada zaman beliau. Secara ringkas, Ibn Khaldun telah membincangkan beberapa isu berkenaan agama Yahudi, Kristian, Majusi, dan Sabiun di beberapa tempat dalam *Muqaddimah*nya. Ada juga antara hasil-hasil perbincangan ini yang dapat difahami sebagai teori-teori yang dibina oleh Ibn Khaldun sendiri dalam

mentafsirkan peranan agama dalam kehidupan manusia seperti mana yang dibincangkan dalam disiplin *scientific study of religion* pada hari ini. Perbincangan Ibn Khaldun berkenaan agama-agama ini serta kemahiran saintifik beliau dalam membentuk beberapa teori tentang agama telah membentuk tema-tema ilmu kajian agama dalam *Muqaddimah*nya. Tema-tema ilmu kajian agama inilah yang akan diuraikan secara ringkas dalam perbincangan selanjutnya.

Tema-tema Ilmu Kajian Agama dalam *Muqaddimah* Ibn Khaldun

Ilmu kajian agama adalah sebuah ilmu yang membahaskan berkenaan aspek-aspek dalam agama seperti sejarah, kepercayaan, amalan, dan akhlak. Melalui penelitian kepada *Muqaddimah*, Ibn Khaldun telah membincangkan beberapa tema penting berkenaan ilmu kajian agama melalui kajian ‘*Umrānnya*. Adakalanya, perbincangan yang dibuat adalah secara deskriptif tentang satu-satu agama. Dalam masa yang lain, Ibn Khaldun juga melakukan analisis dan membandingkan aspek-aspek tertentu yang terdapat dalam satu-satu agama dengan agama lainnya (Wan Mohd Fazrul Azdi, 2017b). Kesemua perbincangan Ibn Khaldun mengenai agama-agama selain Islam dalam *Muqaddimah*nya ini telah membentuk tema-tema ilmu kajian agama beliau.

Rajah 4 Tema Ilmu Kajian Agama dalam *Muqaddimah* Ibn Khaldun



Melalui kajian kualitatif, yang menggunakan metode analisis kandungan ke atas teks *Muqaddimah*, tema-tema kajian agama oleh Ibn Khaldun ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu pertama, kajian agama-agama (*studies of religions*) dan keduanya adalah pandangan terhadap agama (*views on religion*). Tema yang pertama iaitu kajian agama-agama membincangkan beberapa perbahasan yang telah dimuatkan berkenaan agama-agama selain Islam dalam *Muqaddimah* seperti Yahudi, Kristian, Majusi dan Sabiun. Antara tajuk-tajuk perbahasan yang telah Ibn Khaldun tulis dalam kategori tema yang pertama ini adalah seperti berikut:

1. Konsep umat pilihan dalam kepercayaan Yahudi
2. Sejarah Yahudi 'dihukum' hidup di padang pasir selepas *Exodus*
3. Asal usul perkataan *Cohen* dalam agama Yahudi
4. Kronologi ringkas perkembangan agama Kristian
5. Kepercayaan Nicea atau *Nicene Creed* dalam agama Kristian
6. Asal usul perkataan *Pope* dan *Patriarch* dalam agama Kristian
7. Mengenai Agama Sabiun
8. Mengenai Agama Majusi
9. Pandangan Ibn Khaldun mengenai Kitab Taurat dan Kitab Injil
10. Nama Nabi Muhammad SAW dalam kitab-kitab Samawi awal
11. Jerusalem: tempat suci bagi empat agama iaitu Sabiun, Yahudi, Kristian dan Islam

Tema yang kedua pula ialah pandangan Ibn Khaldun terhadap agama, seperti yang telah dimuatkan beliau dalam *Muqaddimah*nya. Melalui penelitian terhadap tulisan Ibn Khaldun, dapat dilihat di sini bagaimana pemikiran kreatif dan saintifik yang dibangunkan oleh Ibn Khaldun dapat menghasilkan beberapa pandangan umum berkenaan hubungan antara agama dengan manusia, masyarakat Arab, kepimpinan, sikap asabiyyah dan tujuan hidup manusia. Antara pandangan-pandangan Ibn Khaldun berkenaan isu ini adalah seperti berikut:

1. *al-Nās 'Alā Dīn Mulūkihi* (manusia menurut agama raja-raja mereka)
2. *al-'Aşabiyyah Wa al-Dīn* ('Aşabiyyah dan agama)
3. *al-Imāmah Wa al-Dīn* (kepimpinan dan agama)
4. *Ghāyah al-Hayāh Fī al-Dīn* (tujuan kehidupan adalah berdasarkan agama)

Tema-tema ini telah dimuatkan dalam *Muqaddimah* secara selektif oleh Ibn Khaldun untuk digarap secara selari dengan tujuan asal bukunya. Namun begitu, meskipun *Muqaddimah* mempunyai tema-tema kajian agama seperti yang telah disenaraikan sebelum ini, *Muqaddimah* tidak dapat dikategorikan sebagai sebuah rujukan eksklusif dalam ilmu kajian agama yang setaraf dengan rujukan-rujukan lain yang terdapat dalam kumpulan *purposive texts* seperti Kitab *al-Milal Wa al-Nihal* (1993), *al-Jawāb al-Şaḥīḥ Li Man Baddala Dīn al-Masīḥ* (1999) dan *Izhār al-Ḥaq* (1410H). Biarpun begitu, tema-tema kajian agama yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* amat unik dan sangat bernilai tinggi dalam dunia akademik kerana memaparkan maklumat serta analisis yang sangat mendalam berkenaan agama-agama selain Islam. Huraian lanjut mengenai tema-tema kajian agama oleh

Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* ini boleh didapati dalam hasil kajian kedoktoran di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (Wan Mohd Fazrul Azdi, 2017a, p.163-338).

Sebenarnya masih terdapat banyak lagi ruang untuk kajian ke atas tema-tema yang telah dibincangkan oleh Ibn Khaldun berkenaan ilmu kajian agama melalui karya-karyanya. Menurut Fischel, fasa kehidupan Mesir Ibn Khaldun masih banyak lagi yang belum dikaji, di mana ini termasuklah kajian-kajian agama seperti yang telah Ibn Khaldun bahaskan (Fischel, 1967, p.3). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Kalman Bland, seorang Profesor Kajian Agama (*religious study*) daripada Duke University, telah menggambarkan kajian agama yang telah dipersembahkan oleh Ibn Khaldun sebagai: '*new, extraordinary and highly useful*,' but '*unduly neglected*' in the academic circle iaitu baru, luar biasa dan sangat berguna, tetapi sangat diabaikan dalam kalangan akademik (Bland, 1983, p.196).

Kesimpulan

Ringkasnya, Ibn Khaldun merupakan salah seorang tokoh sarjana Muslim yang penting dalam ilmu kajian agama. Meskipun beliau hanya dikenali dalam pandangan masyarakat umum sebagai salah seorang tokoh dalam disiplin-disiplin ilmu seperti sejarah, politik, falsafah dan pendidikan; hakikatnya bakat dan sumbangan beliau turut merangkumi kajian agama (*religious study*) dan ilmu perbandingan agama (*comparative study of religion*).

Justifikasi untuk memasukkan Ibn Khaldun sebagai salah seorang tokoh dalam ilmu kajian agama ini dibuat berdasarkan indikator-indikator yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu pertama, perkembangan ilmu-ilmu Islam; kedua, sifat genius dan versatil para ulama Islam dan ketiganya, sifat inklusif ilmu kajian agama dalam ilmu-ilmu Islam yang lain. Meskipun begitu, beliau tidak tergolong dalam golongan sarjana yang membuat kajian agama secara *purposive* atau sebagai tujuan utama seperti al-Shahrastani (479-548H), Ibn Taimiyyah (661-728H) dan Rahmatullah al-Hindi (1818-1891M). Akan tetapi, penglibatan beliau dalam bidang ini sudah cukup untuk membuktikan sikap ambil tahu dan ambil berat beliau berkenaan agama-agama lain selain daripada Islam.

Bagi sesiapa yang meneliti setiap perkembangan dalam kehidupan Ibn Khaldun, serta menyelidik setiap karya yang telah beliau sumbangkan kepada dunia hari ini, dia akan mendapati terdapat keunikan dan keistimewaan yang dibawa oleh sarjana kurun kelapan Hijrah atau keempat belas Masihi ini. Biarpun susuk tubuhnya telah lama dimakamkan di Perkuburan Sufi Bāb al-Naşr, Kaherah, namun sumbangan ilmiahnya masih tetap dirujuk dan diselidiki oleh para pencari

kearifan dan hikmah. Misalnya, Oliver Leaman (lahir pada tahun 1950), seorang Profesor dalam bidang Falsafah Yahudi, Islam dan Dunia Timur di University of Kentucky, pernah mengatakan: *the Muqaddimah is intent to put everything in its place...Only through the systematic investigation of each aspect of Ibn Khaldun's Muqaddimah will we be able to appreciate the depth of his intellectual work as a whole* (Zaid Ahmad, 2003, p.x-xi).

Maksudnya: Buku *Muqaddimah* (ditulis) bertujuan meletakkan semua perkara pada tempatnya...Hanya melalui penyiasatan yang sistematik pada setiap aspek dalam *Muqaddimah* Ibn Khaldun, barulah kita akan dapat menghargai kedalaman perbincangan hasil kerja intelektual beliau secara menyeluruh.

Rujukan

- °Abd al-Rahmān Badwī. (1961). *Muallafāt Ibn Khaldūn*. Kaherah: al-Dār al-°Arabīyyah Li al-Kitāb.
- Akbar Ahmed. (2002). Ibn Khaldun's Understanding of Civilizations and the Dilemmas of Islam and the West Today. *The Middle East Journal*. 56 (1): 20 – 45.
- Al-Azmeh, Aziz. (1981). *Ibn Khaldun in the Modern Scholarship: A Study in Orientalism*. London: Third World Center for Research and Publishing.
- °Alī °Abd al-Wāḥid Wāfi. (1962). *°Abd al-Rahmān Ibn Khaldūn: Ḥayātuhu wa Athāruhu wa Mazāhir °Abqariyyātihi*. al-Jumhūriyyah al-°Arabīyyah al-Muttahadah: Wizārah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qawmī.
- Bland, Kalman. (1983). An Islamic Theory of Jewish History: The Case of Ibn Khaldun. *Journal of Asian and African Studies*. 18 (¾): 189-197.
- Campo, Juan E. (2009). Ibn Khaldun, Abd al-Rahman ibn Muhammad. *Encyclopedia of Islam*. Campo, Juan E. (Editor). New York: Facts of File.
- Fischel, Walter J. (1967). *Ibn Khaldun in Egypt: His Public Functions and his Historical Research*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- Fischel, Walter J. (1967). Ibn Khaldun's Life. Dalam *The Muqaddimah: An Introduction to History*. (Penulis: Ibn Khaldun). Vol. 1. Princeton: Princeton University Press.
- Fuad Baali. (n.d.). Ibn Khaldūn, °Abd Al-Rahmān. *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*. Ed. John L. Esposito. *Oxford Islamic Studies Online*. 18-Dec-2013. <<http://www.oxfordislamicstudies.com.ezproxy.lib.mona.sh.edu.au/article/opr/t236MIW/e0341>>.
- Ibn Khaldun. (1417H). *Muzīl al-Malām °An Hukkām al-Anām*. (Semakan: Fuad °Abd al-Mun°im Ahmad). Riyadh: Dar al-Watan.
- Ibn Khaldun. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. (Terj. Rosenthal, Franz). 3 Jilid. Princeton: Princeton University Press.
- Ibn Khaldun. (2001). *Diwān al-Mubtadā' Wa al-Khabar Fi Tarīkh al-°Arab Wa al-Barbar Wa Man °Āsarahum Min Dhawī al-Sha'n al-Akbar*. Suntingan dan semakan: Khalīl Shihādah dan Suhayl Zikār. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun. (2002). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldūn. (2005). *Al-Muqaddimah*. (Taḥqīq: °Abd al-Salām al-Shidādī). 5 jilid. Maghribi: al-Dār al-Baydā'.
- Ibn Khaldūn. (2014). *Al-Muqaddimah*. (Taḥqīq: °Alī °Abd al-Wāḥid Wāfi). 3 jilid. Kaherah: Maktabah Nahḍah Misr.
- Ibn Taimīyyah. (1999). *al-Jawāb al-Ṣaḥīḥ Li Man Baddala Dīn al-Masīḥ*. Riyadh: Dār al-°Āsimah.
- Issawi, Charles. (1963). *An Arab Philosophy of History*. London: John Murray.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kayrānawī, Raḥmatullāh Ibn Khalīl. (1410H). *Izhār al-Ḥaq*. Riyadh: al-Ri'āṣah al-°Āmmah Li Idārāt al-Buḥūth al-°Ilmiyyah Wa al-Iftā' Wa al-Da°wah Wa al-Irshād.
- Mahayudin Haji Yahaya. (2011). °Umran Al °Alam Dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma. *International Journal of West Asian Studies*. 3 (1): 1-28.
- Mohammad Abdullah Enan. (1997). *Ibn Khaldun: His Life and Works*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Muhammad Azizan Sabjan. (2010). Early Muslim Scholarship in Religionswissenschaft: A Study of Ibn Khaldun and Religious Institutions in Christianity. *Jurnal Majlis Islam Sarawak*. 2 (2): 1-9.
- Muller, F. Max. (1901). *Lectures on the Origin and Growth of Religions as Illustrated by the Religions of India*, London & Bombay: Longmans, Green & Co.
- Pines, Solomon. (1970). Ibn Khaldun and Maimonides: a Comparison between Two Texts. *Studia Islamica*. Vol 32. 265-274.
- Schmidt, Nathaniel. (1978). *Ibn Khaldun: Historian, Sociologist and Philosopher*. Lahore: Universal Books.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad Ibn °Abd Al-Karīm. (1993). *Al-Milal Wa Al-Nihal*. Beirut: Dār Al-Ma°rifah.
- Syed Omar Syed Agil. (2008). *The Muqaddimah of Ibn Khaldun: Religion, Human Nature and Economics*. Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Turner, Bryan S. (1971). Sociological Founders and Precursors: The Theories of Religion of Emile Durkheim, Fustel De Coulanges and Ibn Khaldun.

Religion. 1 (1): 32-48.

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rosmizi Abd Rahman dan Jaffary Awang. (2014). Religionswissenschaft: A Preliminary Study on the Purposiveness & the Non-Purposiveness of Muslim Scholarship. *Journal of Islamic Studies and Culture*. June 2014. 2 (2): 1-18.

Wan Mohd Fazrul Azdi. (2017a). *An Analysis of Ibn Khaldun's Study of Other Religions*. Ph.D. Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Mohd Fazrul Azdi dan Jaffary Awang. (2017b). Ibn Khaldun's Religionswissenschaft: Exploring the Sources in the Muqaddimah. *Umrans International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 4(1): 67-79.

Wasserstrom, Samuel M. (1999). Heresiography of the Jews in Mamluk Times. *Muslim Perceptions of Other Religions*. Waardenburg, Jacques. (ed.) Oxford: Oxford University Press

Whittingham, Martin. (2011). The Value of Tahrif Ma'nawi (corrupt interpretation) as a Category for Analysing Muslim Views of the Bible: Evidence from *Al-Radd Al-Jamil* and Ibn Khaldun. *Islam and Christian-Muslim Relations*. 22 (2): 209-222.

Zaid Ahmad. (2003). *The Epistemology of Ibn Khaldun*. London & New York: Routledge Curzon.